



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN
DIPLOMA ISLAMIC BANKING AND FINANCE
E-NOTA AQIDAH ISLAMIAH SEMESTER 1**

KELAS DIB5A (GROUP 8)

NAMA	NO PENDAFTARAN
UWAIS MUHAIMIN BIN MOHAMAD SABRI	10DIB19F1006
MUHAMMAD SYAZWAN BIN MOHD KHAIRUDDIN	10DIB19F1050
MUHAMMAD AKMAL BIN AHMAD KARSANAY	10DIB19F1016
AMIRUL FAHMI BIN FAZILAH	10DIB19F1018

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	V
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	VI
PERAKUAN PELAJAR	VII
PENGHARGAAN	VIII
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1-2
1.3 Pernyataan Masalah	2-4
1.4 Objektif kajian	4
1.5 Justifikasi kajian	5
1.6 Skop projek	5
1.7 Takrifan Istilah	5-6
1.8 Kepentingan Kajian	6-7

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	8
2.2	Kajian-Kajian Lepas	8
	2.2.1 Kajian Berkaitan Pelaburan Islam	8-9

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	10
3.2	Rekabentuk Kajian	10
	3.2.1 Tinjauan Awal Keperluan Kajian	10-14
	3.2.2 Bahan Dan Peralatan	14-18
	3.2.3 Kaedah Analisis Data	18-19

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	20
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	20
	4.2.1 Projek Jenis Nyata	20-22
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	22-23
	4.3.1 Impak Produk	23-24
4.4	Kos Penghasilan Projek	24

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	25
5.2	Kesimpulan	25
5.3	Cadangan	25-26
5.4	Limitasi Kajian	26
5.5	Rumusan	26

RUJUKAN	27
----------------	----

LAMPIRAN	28-30
-----------------	-------

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 Business Project**, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk **e-Nota Aqidah Islamiah semester !** telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: ENCIK WAN MOHD RUSHDI BIN W.A. LAH

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *Uwais*
Nama: UWAIS MUHAIMIN BIN MOHAMAD SABRI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1006
2. Tandatangan: *Syazwan*
Nama: MUHAMMAD SYAZWAN BIN MOHD KHAIRUDDIN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1050
3. Tandatangan: *Akmal*
Nama: MUHAMMAD AKMAL BIN AHMAD KARSANAY
No. Pendaftaran: 10DIB19F1016
4. Tandatangan: *Amirul*
Nama: AMIRUL FAHMI BIN FAZILAH
No. Pendaftaran: 10DIB19F1018

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk **e-Nota Aqidah Islamiah semester 1**, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek En. Wan Mohd Rushdi Bin W. A. Lah, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, tidak lupa juga penghargaan kepada penulis buku Aqidah Islamiyyah, Nurulhuda Binti Ishak, Nurulshaihiza Binti Mohamad

Isa dan Mohamad Fahmi bin Md Yusop atas kebenaran memberi peluang untuk menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, e-Nota Aqidah Islamiah semester 1** bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Aqidah Islam bermaksud keimanan dan keyakinan yang teguh dengan Rububiyyah Allah ta'ala, Uluhiyyah-Nya, Asma'u wa sifah-Nya, Qada' dan Qadar, hari Kiamat, segala berkaitan perkara ghaib, pokok-pokok agama dan apa yang disepakati oleh salafus salih dengan ketundukkan yang bulat kepada Allah ta'ala dari segi perintah-Nya, hukum-Nya, ketaatan kepada-Nya serta meneladani Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Selain itu, pihak pengkaji jugak telah menciptakan sebuah produk inovasi iaitu e-Nota Aqidah Islamiah semester 1 bagi membantu pelajar-pelajar di Politeknik Seberang Perai. Objektif utama iaitu supaya dapat mengenal pasti kesukaran, kemudahan dan penjimatan masa dalam kalangan para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam semester 1. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah analisis SWOT.

Kajian ini secara umumnya ditumpukan kepada pelajar kewangan dan perbankan islam semester 1 di Politeknik Seberang Perai. Seterusnya, produk inovasi ini mempunyai nilai komersial yang tinggi terutama dalam penggunaan pelajaran. Tambahan pula, negara kini dilanda wabak covid-19 yang semakin menular. Hal ini menyebabkan kesukaran bagi para pelajar untuk mendapatkan nota Aqidah Islamiah sama ada di perpustakaan atau kedai buku behampiran, dengan adanya produk inovasi ini, dapat membantu para pelajar untuk mendapatkan nota dengan mencari menggunakan telefon bimbit atau komputer riba sahaja. Akhir sekali, pihak pengkaji mengharapkan produk inovasi laman sesawang yang dicipta oleh pengkaji ini dapat memudahkan urusan pelajar-pelajar dalam mencari dan memahami tentang Aqidah Islamiah dengan lebih jelas.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar DIB1 ialah pencarian tentang nota bagi subjek Aqidah Islamiah untuk semester 1.

Kajian ini secara umumnya bertujuan membantu mengatasi masalah pelajar semester 1 program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dalam mencari nota tambahan dan rujukan mengikut silibus politeknik. Hal ini kerana sewaktu pandemik, pelajar harus belajar secara atas talian yang mana hanya berbekalkan nota yang diberikan oleh pensyarah masing-masing. Kebanyakan pelajar tidak mendapat maklumat ataupun rujukan yang mencukupi untuk membantu pelajar dalam mengulang kaji subjek Aqidah Islamiah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Aqidah Islamiyyah adalah aqidah yang Allah Taala utus untuk membawanya serta menurunkan kitab-kitab di atas muka bumi ini untuk menjelaskan dan juga mewajibkan kepada jin serta manusia untuk menerima aqidah yang telah diturunkan serta mengamalkan di dalam kehidupan seharian. Aqidah perlu diamalkan oleh semua umat manusia, lebih-lebih lagi seorang muslim perlu memperuntukkan umurnya dengan memperlihatkan dan mempelajari serta mengamalkan aqidah disebabkan ini Allah mencipta manusia.

Perkataan aqidah berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu ‘aqada’ yang bermaksud ikatan ataupun simpulan. Perkataan ini juga digunakan dalam sesuatu maknawi seperti akad nikah dan akad jual beli di mana sewaktu seseorang akad nikah ,maka tersimpullah satu ikatan di antara dua manusia tersebut. Dari makna ikatan ataupun simpulan yang maknawi ini terjadilah aqidah yang membawa maksud ikatan atau simpulan khusus dalam kepercayaan seseorang.

Terdapat beberapa definisi secara terminologi (istilah) menurut Hasan al Banna serta Abu Bakar Jabir Al Jazairy tentang aqidah.

Menurut Hasan al Banna, aqidah disebut sebagai aqa'id (bentuk jama' dari aqidah) yang membawa erti tentang beberapa perkara yang wajib diyakini adalah kebenaran daripada hatimu, yang juga membawa kepada ketenteraman jiwa yang menjadikan keyakinan seseorang itu tidak bercampur sedikit pun dengan sesuatu keraguan. Menurut Abu Bakar Jabir Al Jazairy pula, aqidah adalah sejumlah kebenaran yang dapat diterima secara umum oleh umat manusia berdasarkan akal, wahyu dan firman. Kebenaran ini dipastikan oleh manusia dengan hati dan diyakini kesahihan dan kebenarannya secara pasti dan menolak segala perkara yang bertentangan dengan kebenaran tersebut. Dalam ajaran Islam, aqidah Islam (al-aqidah al-islamiyah) merupakan satu keyakinan atas sesuatu perkara yang terdapat dalam apa yang disebut dalam rukun iman iaitu yang pertama yakin terhadap kewujudan tuhan, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat serta yang terakhir ialah takdir baik dan buruk yang ditentukan oleh-Nya.

Apabila dilihat dari sudut pandang sebagai ilmu, aqidah ini dapat disesuaikan dengan konsep Ahlus Sunnah wal Jama'ah yang mana meliputi topik-topik seperti Tauhid, Iman, Islam, masalah ghaibiyat (hal-hal ghaib), kenabian, takdir, berita-berita (tentang sesuatu perkara yang telah lalu atau yang akan datang), dasar-dasar hukum yang pasti, seluruh dasar-dasar agama dan keyakinan, termasuk juga terhadap ahlu al-hawa' wal bida' (pengikut hawa nafsu dan ahli bid'ah), dan juga perkara-perkara yang akan menyimpang lagi menyesatkan umat manusia di atas muka bumi ini. Aqidah ini amat penting kepada umat manusia terutamanya seorang yang memeluk agama Islam supaya dapat memperolehi keyakinan yang kukuh tentang kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat-Nya. Amalan seseorang juga diterima bergantung kepada sahnya aqidah yang seseorang itu miliki. Aqidah yang dimiliki oleh seseorang juga dapat memutuskan keselamatan seseorang di dunia mahupun di akhirat.

1.3 PERNYATAAN MASALAH


Pengenalan isu secara khusus, berfokus

Para pelajar Politeknik Seberang Perai yang mengambil kursus Kewangan dan Perbankan Islam akan mengambil subjek Aqidah Islamiah pada semester 1. Jadi para pelajar DIB1 memerlukan kefahaman sepenuhnya untuk lulus dan mendapat keputusan yang cemerlang dalam subjek ini. Sewaktu pandemik ini, para pensyarah lebih menggalakkan pelajar-pelajar untuk memakai nota online dan slide yang ringkas dan tidak mendalam sebagai bahan rujukan sahaja. Jadi kebanyakan pelajar tidak mendapat maklumat ataupun rujukan yang mencukupi untuk membantu pelajar dalam mengulang kaji subjek Aqidah Islamiah.




Rajah 1.1 Pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian.

Di samping itu, ada juga pelajar yang tidak dapat membeli buku Aqidah Islamiah sebagai bahan rujukan tambahan disebabkan aspek kewangan lebih-lebih lagi pada waktu pandemik ini. Jadi untuk memastikan para pelajar tidak tercicir dalam mendapatkan ilmu, laman web ini dapat membantu pelajar untuk mengulang kaji subjek Aqidah Islamiah dengan nota-nota yang padat dan menarik.



Rajah 1.2 Contoh buku rujukan bagi Aqidah Islamiah.

Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan isu masalah yang dihadapi oleh pelajar DIB1 ialah pencarian tentang nota bagi subjek Aqidah Islamiah untuk sem 1. Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan para pelajar serta para pensyarah ini untuk mencari nota tambahan dengan laman web sedia ada ini yang mengumpulkan nota-nota yang padat serta menarik yang mudah untuk para pelajar untuk memahami subjek Aqidah Islamiah ini. Selain itu, pelajar juga mengalami masalah kekurangan bahan rujukan yang menepati silibus politeknik. Di samping itu, terdapat juga lambakan bahan rujukan di internet yang pelajar tidak pasti kesahihannya.



Rajah 1.4 Nota-nota yang terdapat di internet.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan untuk

1. Mengenal pasti masalah mendapatkan nota bagi subjek Aqidah Islamiah bagi pelajar DIB1.
2. Mencadangkan satu laman web untuk pencarian nota bagi subjek Aqidah Islamiah untuk program Kewangan dan Perbankan Islam untuk semester 1.

1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti masalah pelajar-pelajar semester 1 dalam mencari nota kerana kekangan mendapatkan akses ke perpustakaan. Pihak pengkaji mencadangkan untuk membuat satu laman web yang mengumpulkan nota-nota Aqidah Islamiyah supaya pelajar-pelajar mudah untuk mencari nota dengan hanya mengakses ke laman web tersebut untuk mendapatkan nota-nota yang diperlukan oleh pelajar-pelajar untuk mengulang kaji. Antara tujuan utama projek ini adalah untuk memudahkan pelajar serta pensyarah kerana nota yang ada di dalam laman web tersebut berbentuk slide dan akan mudah untuk memahaminya. Pensyarah juga dapat menggunakan nota didalam laman web tersebut untuk mengajar pelajar-pelajarnya. Ia juga dapat memudahkan kerja pensyarah dalam penyediaan nota untuk pelajar-pelajarnya. Dengan adanya laman web ini pelajar tidak perlu bimbang untuk mencari nota tambahan sewaktu pandemik ini kerana tidak dapat mencari nota di perpustakaan. Dengan adanya laman web ini pelajar dapat bahan rujukan yang tepat mengikut silibus politeknik.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada kursus Kewangan dan Perbankan Islam untuk pelajar DIB1 yang membincangkan tentang pencarian nota bagi subjek Aqidah Islamiah untuk sem 1 di Politeknik Seberang Prai. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada tiga objektif utama. Pertama, nota ini memberikan kemudahan nota tambahan untuk subjek Aqidah Islamiah yang pelajar sendiri tidak mendapat rujukan yang cukup untuk kefahaman pelajar. Kedua, laman web ini mampu menarik minat pelajar dengan nota-nota yang kreatif dan inovatif supaya pelajar-pelajar tidak bosan. Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab objektif ketiga iaitu memudahkan pensyarah-pensyarah Aqidah Islamiah untuk menggunakan laman web ini bagi platform yang kedua selain buku.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

Aqidah boleh didefinisikan sebagai

- 1.7.1 Menurut Ibn Manzur dalam Lisan al-‘Arab menjelaskan bahawa akidah bermaksud mengikat, menguasai, perjanjian, pegangan, menambat dan kukuh iaitu sesuatu yang telah tersimpul atau terikat serta turut membawa makna sesuatu yang telah teguh dan telah mantap. Manakala dari sudut istilah ia bermaksud sebagai disebut kepada sesuatu yang pasti iaitu yang benar bukannya yang batil.
- 1.7.2 Menurut Kitab Mu’jam Maqayis al-Lughah menterjemahkan akidah sebagai satu ikatan atau simpulan yang diikat dengan kuat dan rapi. Apabila akidah dipadankan dengan Islam, maka ia membawa maksud satu bentuk kepercayaan dan keimanan yang perlu dipegang kuat-kuat dan sungguh-sungguh agar ia tersemat mantap di jiwa dan tidak gugah walaupun apa jua cabaran yang mendatang.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pelbagai pihak dapat mengambil kepentingan dari hasil kajian ini misalnya pihak Institusi Pengajian Tinggi, Pelajar yang terlibat, pengkaji akan datang dan sebagainya. Antara kepentingan kajian ini adalah Institusi Pengajian Tinggi Politeknik Seberang Prai dapat menggunakan laman web ini untuk membantu warga politeknik khususnya pelajar dan pensyarah menaikkan lagi peratusan kadar pelajar untuk lulus dan menaikkan lagi pointer subjek Aqidah Islamiah berbanding tahun-tahun dahulu.

Selain itu, pelajar-pelajar DIB1 yang mengambil subjek Aqidah Islamiah akan memperoleh manfaat daripada kajian ini kerana memudahkan mereka untuk mencari nota apabila ingin mengulang-kaji pelajaran Aqidah Islamiah. Pelajar juga lebih minat kerana e-nota ini menggunakan ayat yang mudah difahami.

Di samping itu, pengkaji akan datang ataupun pensyarah-pensyarah subjek Aqidah Islamiah yang dapat dibantu disebabkan oleh laman web ini bagi penambahan nota untuk pelajar-pelajar. Pensyarah juga boleh menterapkan penggunaan e-nota dalam kelas.

Akhirnya,diharapkan kajian ini dapat memberikan kemudahan kepada pensyarah Politeknik Seberang Perai yang mengajar Aqidah Islamiah semester 1 serta pelajar-pelajar semester 1 yang mengambil subjek Aqidah Islamiah dalam pencarian nota tambahan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu pembinaan laman web bertujuan mendapatkan nota-nota tambahan mengikut silibus. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis dan buku-buku berkaitan kajian ini.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidikan, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan pembinaan laman web bertujuan mendapatkan nota-nota tambahan mengikut silibus.

2.2.1 Kajian Berkaitan Pembinaan Laman Web Untuk Pembelajaran.

Kajian oleh Mohamad Adib Mohamad Salih, Halimi Mohd Khalid, Rosmila Abdul Kahar, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari (2019) adalah untuk Analisis terhadap Model-model Penilaian Laman Web Islam Berbentuk Dakwah Di Malaysia. Dalam kajian berkenaan, kemunculan Internet sebagai lebuhraya maklumat sangat bermanfaat khususnya dalam aktiviti penyebaran dakwah Islam. Hal ini kerana, Dakwah melalui teknologi maklumat telah lama berlangsung di Malaysia. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi mahupun individu untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat. Kajian oleh Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Nor Khayati Basir (2019) menceritakan tentang Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (Mpu) Di Politeknik. Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk portal pembelajaran bagi kursus dibawah mata pelajaran umum (MPU) iaitu Kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam (DUA6022) Politeknik Malaysia. Seterusnya, kajian daripada Amanee Abdul Hai, Ahmad Zaki Amiruddin, Ahmad Abdul Rahman, Wan Ab Aziz Wan Daud (2019) tentang Penggunaan Aplikasi Web 2.0: GoAnimate.Com dalam Aktiviti Pembelajaran Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini diketengahkan bagi membentangkan satu aplikasi web 2.0 berbentuk multimedia dan video animasi yang dikenali sebagai GoAnimate.Com yang digunakan secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab sebagai satu aktiviti.

Selanjutnya, kajian yang telah dikaji oleh Muhamad Azhar Stapa (2017) tentang Kolaborasi dalam Pendidikan Vokasional: Mewujudkan Pembelajaran Teradun Melalui Teknologi Web 2.0. Pembelajaran kolaboratif adalah satu pendekatan pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kumpulan pelajar bekerjasama untuk menyelesaikan masalah, tugas, atau mencipta sesuatu. Akhirnya, kajian oleh Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak (2017) tentang Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan ICT dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam dan juga untuk mengenal pasti perbezaan penggunaan ICT berdasarkan pengalaman mengajar. Sampel kajian ialah seramai 69 orang responden pensyarah Pendidikan Islam di tujuh buah politeknik zon selatan. Data kajian dikumpul dengan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis dengan perisian “Statistical Package of the Sosial Sciences” (SPSS) 22.0.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN


Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan laman web sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang penghasilan laman web ini.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.


3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 30 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 3.2.1.1 Carta pie tentang jantina


Rajah 3.2.1.1 menunjukkan seramai 31 orang responden iaitu pelajar dari semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam yang terdiri daripada 61.3% dari responden perempuan manakala 38.7% daripada responden lelaki. Responden yang terlibat telah memberi kerjasama untuk menjawab soal selidik berkenaan soal selidik kemudahan pencarian nota subjek Aqidah Islamiah. Pemilihan responden yang dilakukan adalah khusus untuk pelajar semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam yang mana majoritinya daripada kalangan pelajar perempuan.



Rajah 3.2.1.2 Carta pie tentang tempat tinggal


Rajah 3.2.1.2 menunjukkan soal selidik tentang tempat tinggal responden yang mempunyai tiga pilihan iaitu bandar, luar bandar dan pedalaman. Carta di atas menunjukkan warna biru yang mempunyai 77.4% yang mewakili bandar. Sementara

itu, rajah menunjukkan peratusan luar bandar yang diwakili oleh warna merah iaitu 22.6%. Akhir sekali, pedalaman memiliki 0% kerana tiada responden yang memilih pilihan pedalaman.



Rajah 3.2.1.3 Carta pie tentang kepentingan Aqidah dalam kehidupan seharian


Berdasarkan rajah 3.2.1.3, soal selidik ini menunjukkan 100% iaitu kesemua 31 orang responden memilih jawapan ya untuk menunjukkan Aqidah amat penting dalam kehidupan seharian. Hal ini demikian menunjukkan bahawa Aqidah memang merupakan asas utama dalam kehidupan kita sebagai umat Islam.



Rajah 3.2.1.4 Carta pie tentang kemahuan pelajar untuk mendapatkan nota


Soal selidik rajah 3.2.1.4 ini bertujuan untuk mengkaji sama ada responden berminat untuk mendapatkan nota tambahan Aqidah Islamiah atau tidak. Carta pie di atas

menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 96.8 % responden memilih jawapan ya sebagai pilihan mereka. Justeru, hal ini membuktikan bahawa para responden yakin dan berminat tentang produk laman web ini.



Rajah 3.2.1.5 Carta pie tentang kajian kemudahan pencarian nota Aqidah Islamiah

Rajah 3.2.1.5 di atas jelas menunjukkan seramai 22.6% sahaja yang mudah untuk mencari nota tambahan untuk subjek Aqidah Islamiah mengikut silibus. Sementara itu, majoriti responden iaitu 77.4% tidak mudah untuk mencari nota. Justeru dengan adanya produk laman web ini akan lebih membantu pelajar untuk mudah mencari nota subjek Aqidah Islamiah untuk mereka mengulang kaji pelajaran.



Rajah 3.2.1.6 Carta pie tentang sumber rujukan


Berdasarkan rajah 3.2.1.6, jelas menunjukkan hasil pilihan responden untuk sumber rujukan yang pelajar perolehi untuk mencari nota tambahan. Seramai 64.5% menggunakan Google sebagai sumber rujukan mereka. Selain itu, respon kedua terbanyak ialah 29% yang mana mereka menggunakan buku rujukan. Baki responden iaitu 6.5% menjadikan Youtube dan slide pensyarah beri sebagai sumber rujukan mereka.

3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk yang dapat memenuhi kehendak objektif kajian. Selain itu, reka bentuk haruslah bersifat mesra pengguna dan mudah diguna pakai oleh pelajar.

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.



Rajah 3.2.2.1 Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Penerangan proses di dalam gambar yang mana para pengkaji mengadakan perbincangan dan pembahagian tugas menggunakan Microsoft Teams sebagai platform perbincangan.

Langkah 2

Para pengkaji mengagihkan borang kaji selidik kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam melalui platform *Google Form*.

Adakah anda mudah mencari nota tambahan Aqidah Islamiah mengikut silibus?

Ya
 Tidak

Clear selection

Sumber rujukan yang anda selalu perolehi daripada:

Google
 Buku Rujukan
 Youtube
 Other: _____

Submit Clear form


Never submit passwords through Google Forms.

Rajah 3.2.2.2 Soal selidik tentang kemudahan pencarian nota Aqidah Islamiah

Pengkaji melakukan soal selidik khusus kepada pelajar semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam tentang kajian kemudahan pencarian nota Aqidah Islamiah.

Langkah 3


Pengkaji melakukan proses pencarian nota-nota tentang Aqidah Islamiah sebagai bahan rujukan.



Rajah 3.2.2.3 Pencarian nota Aqidah Islamiah

Langkah 4


Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji membuat pembahagian tugas antara ahli pengkaji.



Rajah 3.2.2.4 Pembahagian tugas antara para pengkaji

Langkah 5


Setelah langkah 4 siap, pengkaji mencari lagi maklumat tambahan nota Aqidah Islamiah untuk bahan kajian.



Rajah 3.2.2.5 Pencarian maklumat tambahan

Langkah 6

Seterusnya, pengkaji menyebarkan pautan laman sesawang E-nota Aqidah Islamiah ini kepada para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam semester 1.



Rajah 3.2.2.6 Produk inovasi

3.2.2 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem laman web seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data
2.	Wifi	Digunakan sebagai rangkaian untuk mencari maklumat dan berbincang sesama ahli dalam microsoft teams.
3	Telefon bimbit	Digunakan sebagai tempat pengumpulan maklumat.

3.2.3 Kaedah Analisis Data

Huraian mengenai kaedah yang digunakan untuk menyusun, mengolah dan menganalisis data yang diperoleh daripada eksperimen, ujian makmal, ujian pengukuran dan sebagainya yang berkaitan bagi menjawab persoalan kajian perlu dinyatakan dengan jelas.

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dengan kaedah analisis data, hasil sesuatu kajian

akan diperolehi. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (*strenghts, weaknesses, opportunities, threats*).

Kajian ini menggunakan dan memilih analisis SWOT sebagai kaedah analisis data. SWOT ialah salah satu teknik analisis organisasi untuk mengetahui keadaan organisasi yang berkaitan pada masa sekarang, serta bagaimana dengan keadaan yang akan dihadapi pada masa hadapan, dengan mempertimbangkan faktor-faktor kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Analisis SWOT adalah suatu kaedah penyusunan strategi yang dilakukan oleh seseorang dalam sesebuah organisasi. Menurut Rangkuti dan Freddy (2000), analisis SWOT adalah satu proses mengenalpasti faktor luaran dan faktor dalaman yang mempengaruhi sesuatu tindakan atau pelaksanaan suatu strategi yang akan dilakukan oleh sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat, visi dan misi organisasi.

Antara kelebihan analisis SWOT ialah membantu pihak pengkaji menemui kekuatan dan kelemahan dalaman produk ini. Selain itu, SWOT dapat memberi kemudahan kepada pihak pengkaji melakukan penghasilan laman web Aqidah Islamiah. Di samping itu, kaedah ini dapat mengetahui cara yang benar dan salah dalam menjalankan laman web Aqidah Islamiah. Akhir sekali, analisis SWOT membantu pihak pengkaji memahami dengan lebih baik dan menghasilkan strategi yang nyata dan jelas.

<p style="text-align: center;">STRENGHTS (Kekuatan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapat menambah ilmu pengetahuan • Mengandungi bentuk yang mudah difahami • Mudah untuk diakses 	<p style="text-align: center;">Weakness (Kelemahan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai risiko untuk dicetak rompak • Mempunyai risiko untuk digodam
<p style="text-align: center;">Oppurtinities (Peluang)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz bentuk tulisan jelas dan menarik • Menarik perhatian dan minat pelajar 	<p style="text-align: center;">Threats (Ancaman)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat laman web yang lebih moden

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membicarakan mengenai hasil dapatan kajian/pengujian, perbincangan keberkesanan serta analisis SWOT berkaitan dengan kajian produk inovasi laman sesawang nota ringkas Alidah Islamiah. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan produk yang dijalankan setelah inovasi dihasilkan.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 PROJEK JENIS NYATA

Produk pengkaji iaitu laman sesawang nota Aqidah Islamiah.

Analisis SWOT

Antara kekuatan bagi laman sesawang nota untuk laman sesawang Aqidah Islamiyah ialah mempunyai media tanpa batas dengan adanya internet dan gajet ianya memudahkan lagi pada para pelajar untuk mencari maklumat yang tanpa batas. Dengan mempunyai laman sesawang nota ini, para pelajar dapat melihat nota di laman sesawang dengan hanya menggunakan gajet contohnya seperti telefon bimbit ataupun komputer riba dan harus mengandungi rangkaian data. Dengan adanya kemudahan ini, hal ini dapat menjimatkan masa pencarian pelajar di dalam mencari bahan ataupun nota. Di samping itu, produk ini juga mempunyai nota yang ringkas dan padat memudahkan para pelajar mencari isi-isi penting sahaja. Nota di dalam laman sesawang ialah nota yang terkini mengenai subjek Aqidah Islamiah untuk semester 1. Seterusnya, pelajar tidak perlu bersusah payah untuk pergi membeli buku ataupun mencari maklumat mengenai Aqidah Islamiyah ini kerana produk yang pengkaji sediakan adalah mengikut silibus politeknik. Produk ini juga dapat digunakan kepada pelajar mahupun pensyarah untuk kegunaan dalam pelajaran sebagai bahan rujukan kelas.

Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam produk ini antaranya ialah pelajar perlu mempunyai telefon bimbit atau komputer riba dan juga harus mengandungi rangkaian data untuk mengakses laman sesawang ini. Jika tidak mempunyai antara gajet-gajet ini, ianya akan

menyukarkan pelajar untuk mengakses atau mencari maklumat di dalam laman sesawang tersebut. Bukan itu sahaja, kepada pelajar yang menetap di kawasan yang tiada isyarat rangkaian data juga akan menyebabkan masalah untuk terus mengakses laman sesawang ini. Produk ini juga berisiko untuk digodam kerana ianya ialah satu laman web yang boleh diakses oleh semua orang tidak kira hanya pelajar dan pensyarah. Dengan itu, pengkaji menitikkan beratkan tentang sekuriti dengan melindungi privasi pautan laman sesawang ini daripada digodam.

Seterusnya, terdapat juga peluang dalam produk ini antaranya ialah penghasilan nota yang menarik dan tersusun agar pelajar tidak merasakan bosan atau jemu untuk membuat ulangkaji dan juga untuk membuatkan pelajar lebih semangat atau tertarik dengan nota ini. Laman sesawang yang kreatif juga dapat menarik perhatian pelajar. Dengan adanya nota sebegini pelajar akan lebih berminat untuk mengetahui serta memahami tentang subjek Aqidah Islamiah. Selain pada itu, laman sesawang ini juga dapat menyerapkan nilai positif seperti sifat ingin tahu dalam pelajar untuk mempelajari subjek ini.

Akhir sekali, ancaman yang terdapat dalam laman sesawang nota Aqidah Islamiyah ini ialah mempunyai persaingan laman sesawang yang lebih canggih dan moden serta berteknologi tinggi. Hal ini menyebabkan para pelajar mengeneipkan dan kurang berminat untuk memberi perhatian kepada nota-nota subjek Aqidah Islamiyah ini yang hanya mementingkan kearah kemodenan semata-mata.

ANALISIS KEBERKESANAN PRODUK

Analisi keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 31 responden. Sebanyak 4 item soalan telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang laman sesawang nota ringkas Aqidah Islamiyah.

Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Laman web ini dapat menambahkan pengetahuan tentang Aqidah Islamiah	0 0%	0 0%	11 35.5%	20 64.5%

2.	Isi -Isi yang diberikan sanagat padat	0 0%	0 0%	10 32.3%	21 67.7%
3.	Laman web ini dapat dijadikan bahan rujukan	0 0%	0 0%	12 38.7%	19 61.3%
4.	Laman web ini membantu dalam mencari nota Aqidah Islamiah	0 0%	0 0%	6 19.4%	25 80.6%

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan laman sesawang e-Nota Aqidah Islamiah

Hasil daripada maklum balas responden, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 20 responden yang sangat setuju tentang laman web ini menambahkan pengetahuan tentang Aqidah Islamiah dan lagi 11 responden juga setuju dengan kenyataan ini. Seterusnya, seramai 21 responden yang sangat setuju dan 10 responden yang setuju bahawa isi-isi yang diberikan di dalam nota laman sesawang itu sangat padat. Selain itu, sebanyak 19 responden sangat setuju bahawa laman web ini dapat dijadikan bahan rujukan. Akhir sekali, 25 responden yang sangat setuju dan 6 responden yang setuju bahawa laman web ini membantu dalam mencari nota Aqidah Islamiah

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Kelebihan e-Nota Aqidah Islamiah ini diwujudkan adalah untuk memudahkan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) semester 1 Politeknik Seberang Perai dalam pencarian nota berkaitan dengan subjek Aqidah Islamiah. Antara kelebihan membangunkan produk inovasi ini ialah produk atau laman sesawang yang mudah diakses serta mudah untuk diubah suai. Hal ini kerana sekiranya pengkaji mempunyai tambahan maklumat, pengkaji boleh terus menambah maklumat pada bila-bila masa sahaja dengan menggunakan gajet seperti komputer riba. Selain itu, pihak pengkaji juga dapat membantu pelajar dengan cara menyediakan nota yang ringkas dan padat.

Seterusnya, kekurangan ketika membangunkan produk inovasi ini ialah pengkaji kurang mahir dalam penyediaan laman sesawang. Hal ini menyukarkan pihak pengkaji untuk menyiapkan laman sesawang ini dengan cepat. Di samping itu, terjadi juga masalah terhadap gajet pengkaji seperti laptop menjadi lambat ataupun terpadam secara tiba-tiba dan juga berlaku rangkaian

data yang tidak stabil. Hal ini melambatkan proses kerja pengkaji dalam menyelesaikan laman sesawang ini.

Akhir sekali, masalah ketika membangunkan produk ini ialah kekangan masa yang dihadapi oleh pihak pengkaji. Ini disebabkan oleh pihak pengkaji mempunyai masa yang terhad untuk menyiapkan laman sesawang. Selain itu, kesukaran untuk berbincang secara bersemuka akibat pandemik covid-19 yang menyebabkan pihak pengkaji perlu untuk tinggal berasingan dan harus membuat kerja secara Bersama rakan-rakan dengan jarak jauh dengan hanya menggunakan gajet dan rangkaian data.

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Impak produk terhadap kos ialah menjimatkan kos pembelanjaan pelajar Kewangan dan Perbankan Islam. Hal ini disebabkan oleh pelajar tidak perlu untuk mengeluarkan wang untuk membeli buku atau bahan berkaitan dengan Aqidah Islamiah, tetapi mereka hanya perlu mempunyai rangkaian internet yang kuat untuk melayari laman sesawang tersebut.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam ini telah membantu ke arah penjimatan masa pelajar DIB dengan hanya melayari laman sesawang kerana pengkaji telah menyediakan nota-nota ringkas yang padat dan menarik serta mengikut silibus terkini politeknik. Jadi, pelajar tidak perlu bersusah payah untuk pergi melawat tempat lain seperti perpustakaan mahupun kedai buku untuk mencari maklumat.

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan laman sesawang nota ringkas ini dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pihak pelajar mahupun ahli akademik hal ini kerana

produk laman sesawang nota ringkas ini amat mudah dilayari dan dicari dengan menggunakan rangkaian internet sahaja.

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses penghasilan laman sesawang nota ringkas Aqidah Islamiah.

Jadual 4.3

BIL	BUTIRAN	KOS (RM)
1.	Internet (wifi / data)	90
2.	Penghasilan laman sesawang	130

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk laman web Aqidah Islamiah pelajar semester 1 Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu kekangan pencarian nota bagi subjek Aqidah Islamiah untuk semester 1. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Hasil daripada kajian inovasi laman web Aqidah Islamiah pelajar semester 1 Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang telah dibangunkan ini telah berjaya mencapai objektif dan matlamat kajian itu sendiri. Hal ini kerana, masalah mengenai pencarian nota subjek Aqidah Islamiah ini telah dapat diatasi. Seterusnya, berdasarkan analisis SWOT mendapati kebanyakan pelajar semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam mendapatkan nota menggunakan *Google* sebagai platform rujukan utama mereka selain buku rujukan dan slaid daripada pensyarah. Oleh itu, dengan penghasilan laman web Aqidah Islamiah ini akan dapat membantu dan mengurangkan beban para pelajar khususnya pelajar semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam dalam sesi pembelajaran mereka.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pensyarah serta pelajar program Kewangan dan Perbankan Islam. Seterusnya, beberapa cadangan dan penambahbaikan telah berjaya diperolehi untuk memastikan laman web ini sentiasa kekal menjadi platform rujukan utama serta pencarian maklumat kepada para pelajar. Pertama, cadangan daripada responden utama kajian iaitu pelajar semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam itu sendiri iaitu untuk menambah soalan-soalan kuiz dan ujian yang lepas. Hal ini kerana, para pelajar akan dapat mengulang kaji pelajaran dengan menjawab soalan-soalan kuiz dan ujian yang lepas sebagai persediaan kepada mereka sebelum menghadapi ujian yang mendatang. Selain itu, terdapat juga cadangan daripada pihak pensyarah untuk sentiasa mengemaskini bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran agar sentiasa selari dengan perkembangan semasa. Ini kerana, sistem pendidikan sentiasa berubah-ubah, oleh itu penting bagi pelajar untuk mengetahui silibus semasa berkaitan subjek Aqidah Islamiah. Akhir sekali, ialah cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang ialah untuk menjadikan laman web Aqidah Islamiah ini

lebih mesra pengguna. Menerusi cadangan ini laman web bukan sahaja menjadi sumber rujukan malah akan menjadi suatu platform yang boleh berkongsi pendapat sesama pelajar menerusi ruangan perbualan dan ruangan komen.

5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan satu subjek sahaja iaitu Aqidah Islamiah. Skop projek ini hanya tertumpu kepada pelajar semester 1 program Kewangan dan Perbankan Islam dan dijalankan pada waktu pandemik Covid 19 . Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang untuk kajian dilakukan secara bersemuka .

Seterusnya, kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian dan membangunkan laman web . Seperti sedia maklum proses penghasilan laman web ini memerlukan kepakaran dalam bidang teknologi. Oleh kerana rata-rata ahli kumpulan pengkaji kurang memiliki kepakaran dalam bidang tersebut, pihak pengkaji perlu mendapatkan bantuan pertanyaan daripada pihak luar yang sangat berpengetahuan dan berkemahiran demi untuk memastikan kelancaran proses pembangunan tersebut.

Selain itu, projek dan kajian ini dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Oleh itu terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi seperti masalah jaringan ketika melakukan perbincangan bersama. Ini menyebabkan proses perbincangan menjadi terganggu dan mengambil masa yang agak lama.

5.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya hasil kajian inovasi produk laman web Aqidah Islamiah telah berjaya mencapai matlamatnya dan objektif yang tersendiri. Hal ini kerana, dengan penghasilan laman web Aqidah Islamiah ini secara langsung telah berjaya memudahkan proses pencarian nota berkaitan subjek Aqidah Islamiah. Oleh itu para pengkaji berharap agar para pelajar program Kewangan dan Perbankan Islam khususnya pelajar semester 1 menggunakan sebaik mungkin laman web ini untuk tujuan pembelajaran sebaiknya dan berjaya dengan cemerlang di dalam subjek Aqidah Islamiah ini.

RUJUKAN

- 1) Nurulhuda, Nurshahiza, Mohamad Fahmi (2016). Aqidah Islamiyyah. Politeknik Seberang Perai
- 2) Konsep Aqidah
<https://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/konsep-akidah/>
- 3) Cabaran pensyarah mengajar dalam talian
Sinar Harian
2 April 2020
<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/76874>

LAMPIRAN

a) Kaji selidik tentang kemudahan pencarian nota Aqidah Islamiah

The screenshot shows a Google Form titled "SOAL SELIDIK KEMUDAHAN PENCARIAN NOTA AQIDAH ISLAMIAH". The form is displayed on a browser window. The title is in bold black text. Below the title, there is a paragraph of text explaining the purpose of the survey: "Borang soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui pelajar semester 1 program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mudah dalam mencari nota tambahan Aqidah Islamiah yang mengikut silibus politeknik." The form is shared by "syazwan.din01@gmail.com (not shared)". There are two sections of the form visible: "Jantina" with radio buttons for "Lelaki" and "Perempuan", and "Tempat Tinggal" with radio buttons for "Bandar", "Luar Bandar", and "Pendalaman".

SOAL SELIDIK KEMUDAHAN PENCARIAN
NOTA AQIDAH ISLAMIAH

Borang soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui pelajar semester 1 program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mudah dalam mencari nota tambahan Aqidah Islamiah yang mengikut silibus politeknik.

syazwan.din01@gmail.com (not shared) [Switch accounts](#)

Jantina

Lelaki

Perempuan

Tempat Tinggal

Bandar

Luar Bandar

Pendalaman

The screenshot shows a Google Form with a question: "Adakah anda mudah mencari nota tambahan Aqidah Islamiah mengikut silibus?". There are two radio button options: "Ya" and "Tidak". The "Tidak" option is selected. Below the question, there is a section titled "Sumber rujukan yang anda selalu perolehi daripada:" with radio button options for "Google", "Buku Rujukan", "Youtube", and "Other:". There is a text input field next to the "Other:" option. At the bottom of the form, there are "Submit" and "Clear form" buttons. The browser window shows the URL and the time is 1:09 PM on 10/1/2022.

Adakah anda mudah mencari nota tambahan Aqidah Islamiah mengikut silibus?

Ya

Tidak

Clear selection

Sumber rujukan yang anda selalu perolehi daripada:

Google

Buku Rujukan

Youtube

Other: _____

Submit Clear form

Never submit passwords through Google Forms.

b) Kaji selidik tentang keberkesanan produk

Soal Selidik Keberkesanan Produk

<https://forms.gle/1FAIpQLSdDmca3ATNEZg-tayEdEbo5SPrdywyxhVM6SodM9avMUjDyDA>

syazwan.din01@gmail.com (not shared) [Switch accounts](#)

Jantina

lelaki

Perempuan

Tempat Tinggal

Bandar

Luar Bandar

Pendalaman

Laman web ini membantu saya dalam mencari nota Aqidah Islamiah

Sangat Setuju

Setuju

Tidak Setuju

Sangat Tidak Setuju

Laman web ini dapat meningkatkan kesedaran saya tentang Aqidah Islamiah

Sangat Setuju

Setuju

Tidak Setuju

Sangat Tidak Setuju

Submit Clear form